



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
BILANGAN 4 TAHUN 2025**

**DASAR LESEN PEMBAWA A
(KHAS UNTUK KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak (selepas ini dikenali sebagai “**LPKP Sarawak**”) berkenaan penetapan dasar Lesen Pembawa A (khas untuk kenderaan perdagangan Sabah) yang beroperasi di Sarawak.

2. TAKRIFAN

Dalam pekeling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

‘**Lesen Pembawa A**’ ditakrifkan sebagai kelas lesen yang membolehkan pemegangnya menggunakan kenderaan dibenarkan bagi membawa barangan untuk sewa atau upah bagi atau berhubungan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan olehnya sebagai pembawa barangan; dan

‘Kenderaan perdagangan Sabah’ ditakrifkan sebagai kenderaan perdagangan yang dilesenkan dengan Lesen Pembawa A oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (selepas ini dikenali sebagai **“LPKP Sabah”**).

3. DESKRIPSI PERKHIDMATAN LESEN PEMBAWA A (KHAS UNTUK KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH)

- 3.1. Lesen Pembawa A (khas untuk kenderaan perdagangan Sabah) membolehkan pemegangnya yang juga merupakan pemegang lesen kenderaan barangan yang berlesen dengan LPKP Sabah untuk menggunakan kenderaan dibenarkan bagi membawa barangan untuk sewa atau upah bagi atau apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan olehnya sebagai pembawa barangan beroperasi di Sarawak.
- 3.2. Kawasan operasi Lesen Pembawa A (khas untuk kenderaan perdagangan Sabah) di Bahagian atau Daerah mengikut kontrak perkhidmatan atau Surat Perakuan Tawaran yang disetemkan.
- 3.3. Lesen Pembawa A (khas untuk kenderaan perdagangan Sabah) adalah tertakluk kepada apa-apa arahan atau apa-apa peruntukan perundangan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 3.4. Pembinaan dan penggunaan kenderaan barangan hendaklah mengikut Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan 1959) [LN170/1959].

4. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT LESEN PEMBAWA A (KHAS UNTUK KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH)

- 4.1. Pemberian lesen hanya kepada pemegang Lesen Pembawa A dari LPKP Sabah dan lesen masih dalam tempoh sah laku.
- 4.2. Pemberian lesen kepada perniagaan Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad, Pertubuhan, Koperasi, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Link Company*).
- 4.3. Tiada had bilangan lesen bagi perniagaan Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad, Pertubuhan, Koperasi, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Link Company*). Untuk tujuan kejelasan, padanan 1 Penggerak Utama dan Semi Trailer adalah dikira sebagai 1 kenderaan barangan.
- 4.4. Tempoh sah laku lesen adalah selama 1 tahun.
- 4.5. Pendaftaran perniagaan perlu mempunyai bidang pengangkutan, logistik, gudang, *forwarding*, *kontena*, dan / atau penghantaran kurier.
- 4.6. Kenderaan perdagangan dari Sabah tidak dibenarkan untuk mengangkut barangan antara dua tempat dalam Sarawak.
- 4.7. Dibenarkan beroperasi di Sarawak selama 5 hari sahaja dan hendaklah memaklumkan kepada LPKP Sarawak sebelum memasuki Sarawak.
- 4.8. Tempat letak kenderaan perdagangan (depoh) adalah mencukupi dan sesuai mengikut bilangan kenderaan yang dimohon dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengecualian ini diberikan kepada kenderaan perdagangan yang beroperasi di Bahagian Limbang sahaja.

- 4.9. Dokumen sokongan untuk membuktikan terdapat langganan untuk perkhidmatan pengangkutan.
- 4.10. Had berat dengan muatan (BDM) kenderaan yang akan dilesenkan adalah tertakluk kepada Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) 1989 [*P.U.(A) 478/1989*].
- 4.11. Pihak Lembaga berhak untuk menetapkan syarat-syarat tambahan di dalam permohonan lesen baharu.

5. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN BAHARU LESEN PEMBAWA A (KHAS UNTUK KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH)

Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (a) Lesen Pembawa A LPKP Sabah masih dalam tempoh sah laku iaitu tidak kurang 1 tahun;
- (b) Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) terkini;
- (c) Laporan pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku;
- (d) Pengesahan kefungsiian dan laporan *Speed Limitation Device* (SLD);
- (e) Lesen Kenderaan Motor (LKM) masih dalam tempoh sah laku;
- (f) Pendaftaran perdagangan perlu mempunyai bidang pengangkutan, logistik, gudang, *forwarding*, kontena dan / atau penghantaran kurier masih dalam tempoh sah laku;
- (g) Kontrak perkhidmatan atau Surat Perakuan Tawaran perlu jelas menyatakan tempoh sah laku (tempoh mula dan tamat kontrak), barangan dibawa dan kawasan operasi serta perlu disetemkan. Pengecualian diberikan kepada syarikat penghantaran kurier untuk mengemukakan invoice atau pesanan penghantaran semasa;
- (h) Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7— Pind.1/86) yang

masih dalam tempoh sah laku atau dokumen sokongan yang berkaitan daripada pihak yang mempunyai perjanjian dengan pemohon;

- (i) Pengesahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tempat letak kenderaan (depoh) tidak melebihi 6 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga; dan
- (j) Surat pengesahan pemasangan *Global Positioning System* (GPS) bagi setiap kenderaan barangan berdasarkan kriteria 3 bintang program Trackscore MIROS dan ketetapan LPKP Sabah.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 November 2025.

7. PENUTUP

Pekeliling ini terpakai kepada semua pemegang Kelas Lesen Pembawa A (khas untuk kenderaan perdagangan Sabah) yang beroperasi di Sarawak.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(CORNELIA WONG CHUI)

Setiausaha,

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.

Tarikh : **31 Oktober 2025**

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
 Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
 Pesuruhjaya Polis Sarawak
 Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak
 Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM)